

## BAB 6

# FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGLIBATAN AHLI KOMUNITI DALAM PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI: SATU KAJIAN KE ATAS PROGRAM *HOMESTAY* DI KEDAH

*Kalsom Kayat*  
*Nor Ashikin Mohd. Nor*

### PENGENALAN

Pemuliharaan sumber warisan termasuk sumber budaya dan alam sekitar serta pembangunan negara merupakan dua konsep yang dilihat sebagai bercanggah antara satu dengan lain berdasarkan penilaian yang digunakan untuk menilai kedua-dua konsep tersebut. Pembangunan negara lazimnya diukur menggunakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) manakala pemuliharaan sumber diukur melalui indeks pencemaran alam sekitar dan kadar kepupusan sumber budaya. Kedua-duanya dilihat sebagai bercanggah kerana ramai yang berpendapat bahawa agak mustahil untuk sesebuah negara itu untuk mencapai KDNK yang tinggi dan dalam masa yang sama mampu memulihara sumber yang diwarisinya. Namun begitu, adalah tidak asing untuk kita melihat destinasi pelancongan menekankan aspek pemuliharaan sebagai salah satu objektif dalam polisi pembangunan pelancongan melalui penggunaan istilah kelestarian dalam rangka polisi dan perancangan mereka. Pendekatan ini disebut sebagai pembangunan yang berorientasikan pemuliharaan sumber yang sedia ada supaya sumber ini, sama ada sumber semula jadi atau sumber budaya, dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang. Malaysia, sebagai sebuah negara yang juga mempunyai agenda pelancongannya, tidak terkecuali daripada menjadikan pelancongan sebagai satu strategi bagi mencapai kelestarian. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui polisi kerajaan berkaitan pembangunan pelancongan yang lebih memberi fokus kepada pembangunan pelancongan lestari (Kamaruddin, 2002). Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kejayaan dalam mencapai objektif tersebut. Salah satu daripadanya ialah ciri-ciri dan tahap penyertaan komuniti setempat

dalam menawarkan program-program pelancongan. Program *homestay* di Malaysia yang berasaskan komuniti adalah antara program pelancongan yang berpotensi untuk mencapai objektif pembangunan lestari sekiranya dirancang dengan betul.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (KKKPM) telah memperkenalkan Program *Homestay* dalam tahun 1988 sebagai salah satu bentuk penginapan alternatif yang ditawarkan kepada pelancong. Dalam program ini, pelancong berpeluang untuk tinggal bersama keluarga tuan rumah yang menyertai program dan merasai sendiri bagaimana tuan rumah menjalani kehidupan seharian mereka. KKKPM juga telah menyediakan garis panduan tentang perancangan dan pengoperasian program ini, terutama dalam aspek kesihatan dan keselamatan. Penyertaan *homestay* dibuka kepada semua penduduk Malaysia, namun kebanyakan *homestay* ditawarkan sebagai program komuniti, khususnya di kawasan luar bandar. Sehaluan itu, program *homestay* di kawasan pedalaman telah dimasukkan ke dalam Rancangan Pelancongan Desa yang disediakan oleh KKKPM dan kursus bagi peserta tuan rumah *homestay* telah dimasukkan ke dalam agenda latihan yang dianjurkan oleh Institut Pembangunan Desa (INFRA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Program *homestay* telah dikenal pasti sebagai satu strategi penting untuk meningkatkan peluang ekonomi dan pembangunan di kalangan penduduk di luar bandar. Program *homestay* yang pertama mendapat sokongan daripada KKKPM pada tahun 1988 ialah Program *Homestay* Desa Murni yang merangkumi lima buah kampung berhampiran Temerloh, Pahang. Penduduk tempatan daripada kampung ini bekerjasama untuk mewujudkan program *homestay* dan seterusnya telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi tempatan. Kejayaan Program *Homestay* Desa Murni telah memberi inspirasi dan merangsang komuniti tempatan yang lain untuk mewujudkan program sedemikian. Kampung Relau dan Kampung Raga ialah dua buah kampung di Kedah yang telah membangunkan program *homestay* dalam komuniti mereka sendiri. Artikel ini melaporkan hasil penyelidikan yang dijalankan secara kualitatif untuk mengkaji tahap dan ciri-ciri penglibatan komuniti dalam kedua-dua program tersebut. Sebelum itu, konsep penglibatan dan hubungannya dengan konsep lestari akan dibincangkan bagi menghasilkan satu kerangka teori mengenainya.

## Pembangunan Lestari dan Pelancongan

Secara asasnya, konsep kelestarian memberi penekanan terhadap isu alam sekitar dalam ekonomi pelancongan (Wanhill, 1997). Kebimbangan yang semakin meningkat tentang kemusnahan alam sekitar dan masyarakat melalui aktiviti pelancongan telah mencetuskan pendekatan pembangunan lestari dalam konteks penggubalan polisi, perancangan dan pembangunan pelancongan. Pembangunan lestari menitikberatkan penggunaan sumber yang ada dengan bijak dengan keprihatinan diberi kepada soal perancangan, komitmen dan penglibatan kerajaan serta pihak lain yang berkaitan atau berkepentingan (Rees, 1989:13).

Seterusnya, apakah yang dimaksudkan dengan pembangunan pelancongan lestari? McIntyre (1993), telah mendefinisikan pembangunan pelancongan lestari sebagai satu bentuk pembangunan yang menggandingkan pelancong (permintaan) dan pembekal kemudahan dan perkhidmatan pelancong (penawaran) yang melakukan aktiviti bagi mencapai matlamat masing-masing sambil menekankan pemuliharaan alam sekitar, penduduk dan pemimpin komuniti yang menginginkan kualiti hidup yang lebih baik.

Kesimpulan yang dapat dibuat bahawa pelancongan yang berpandukan orientasi pembangunan lestari menjanjikan kesinambungan dalam industri pelancongan yang menekankan pemuliharaan, penambahbaikan, dan perlindungan terhadap sumber-sumber semulajadi dan sumber budaya supaya yang boleh dinikmati oleh pelancong pada masa hadapan. Kedatangan pelancong secara berterusan pula akan menjanjikan kewujudan industri pelancongan yang berpanjangan. Perkara yang menjadi isu di sini adalah penerimaan konsep dan prinsip-prinsip kelestarian sahaja tidak mencukupi dalam mencapai objektif kelestarian itu. Matlamat pembangunan lestari dapat dicapai melalui komitmen, tindakan dan bukannya hanya bicara kosong semata-mata. Kejayaan tersebut dapat dijadikan sebagai petunjuk bahawa penggubalnya prihatin kepada desakan dan laungan pembangunan lestari yang dibuat secara global. Pembangunan pelancongan lestari memerlukan sokongan kewangan dan juga penglibatan komuniti tuan rumah. Strategi dan perancangan dalam pembangunan pelancongan lestari

mestilah selaras dengan aspirasi pihak-pihak yang berkepentingan dalam pelancongan. Menurut Mowforth dan Munt (1998), strategi dan perancangan ke arah pembangunan pelancongan lestari mestilah memenuhi kehendak-kehendak di bawah:

- (i) Memulihara sumber alam sekitar, sosial, budaya dan ekonomi;
- (ii) Mengandungi elemen pendidikan kepada pihak tuan rumah, pelawat, dan pengusaha; dan
- (iii) Menekankan aspek penyertaan oleh masyarakat setempat.

Sesuatu projek yang mengambil kira kriteria-kriteria di atas akan lebih berjaya dalam mencapai kelestariannya daripada projek yang mengetepikan faktor-faktor tersebut (Mowforth & Munt, 1998).

### **Penglibatan Komuniti dalam Konteks Pembangunan Pelancongan Lestari**

Definisi penglibatan komuniti adalah sebagai satu bentuk tindakan sukarela yang mana individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan (Tosun, 2000). Ia merupakan satu proses masyarakat bekerjasama dengan mereka yang berupaya memberikan bantuan dalam perancangan, pengurusan dan penilaian tindakan yang akan juga turut memberi kesan kepada keadaan dan pembangunan mereka. Penglibatan komuniti menandakan bahawa keperluan dan aspirasi komuniti tersebut tidak diabaikan dan hasilnya ialah ahli komuniti itu akan mendapat didikan dan seterusnya diperkasakan (Askew, 1989 dalam Tosun, 2000: 615).

Dalam proses pembangunan pelancongan, Timothy (1999), menerangkan bahawa penglibatan komuniti dapat dilihat daripada dua aspek iaitu dalam proses membuat keputusan dan dalam bentuk faedah yang dibawa oleh pembangunan tersebut. Penulis-penulis berpendapat bahawa selain daripada dua aspek yang disebutkan oleh Timothy, penglibatan komuniti di peringkat implementasi juga penting dan mungkin boleh diwujudkan dalam sesuatu pembangunan pelancongan. Penglibatan ahli komuniti dalam projek pembangunan pelancongan memberi faedah yang penting kepada komuniti dan kepada projek berkenaan. Penglibatan komuniti dalam pembangunan produk pelancongan

memberi faedah dengan mewujudkan peluang pekerjaan; meningkatkan keadaan sosial komuniti; memberi kesedaran tentang projek yang dijalankan, menjadikan tuan rumah lebih memahami pelancong, meningkatkan kesedaran di kalangan ahli komuniti mengenai kepentingan sumber komuniti; dan memastikan kawalan terhadap sumber-sumber tempatan. Selain itu, penglibatan komuniti juga memberi faedah kepada projek pelancongan itu sendiri kerana penglibatan itu membantu dari segi penawaran sumber manusia dan perkongsian pengetahuan tentang kawasan tempatan dan sumber-sumber di situ.

Terdapat pelbagai pendapat yang diutarakan mengenai penglibatan penduduk tempatan dalam proses pembangunan pelancongan. Seorang datuk bandar di Sepanyol berasakan bahawa penglibatan penduduk merupakan satu perkara yang muncul secara semulajadi dan tanpa disedari kerana penduduk menganggap mereka ialah sebahagian daripada produk pelancongan (Burns & Sancho, 2003). Penglibatan terus penduduk dalam perkhidmatan tertentu amat diperlukan seperti di pusat penerangan pelancong atau pada waktu interpretasi yang asli, inklusif dan lestari diperlukan di mana pengetahuan penduduk tempatan adalah lebih kredibel berbanding dengan pengetahuan pekerja dari luar (Fallon & Kriwoken, 2003).

Penglibatan tidak hanya diperlukan dalam bentuk fizikal malahan dalam bentuk sokongan moral. Dalam konteks negara membangun, Getz (1983), mendesak bahawa sokongan yang padu dan kuat daripada penduduk tempatan akan dapat menggalakkan lagi pembangunan pelancongan. Ini disokong oleh Murphy (1985), terutama jika pelancongan melibatkan sumber asli, yang membentuk komponen utama produk pelancongan itu, juga menjadi keperluan asas kepada penduduk tempatan. Mitchell (2001), pula merasakan bahawa, dalam konteks ekopelancongan, penglibatan penduduk tempatan dalam pembangunan pelancongan dapat mengurangkan kesan negatif yang dihasilkan terhadap alam sekitar tanpa menjejaskan hasil daripada pelancongan.

Walaupun penglibatan komuniti meningkatkan peluang untuk program pelancongan mencapai objektif pelancongan lestari, namun masalah tetap timbul dalam pelaksanaan penglibatan komuniti itu. Rahnema

(1992), mengutarakan beberapa keadaan di mana istilah penglibatan disalahgunakan termasuklah dikatakan sebagai satu cara untuk memanipulasi penduduk tempatan supaya mereka menerima program-program kerajaan yang memenuhi objektif pihak kerajaan tetapi bercanggah dengan objektif komuniti tempatan itu sendiri. Istilah penglibatan ini juga digunakan untuk menarik pihak tertentu untuk menghulurkan pembiayaan tanpa usaha yang jelas untuk mewujudkan dan mengimplentasikan elemen penglibatan dalam projek pembangunan. Dalam semua kes tersebut, penglibatan hanya ada pada nama sahaja tanpa bentuk struktur yang jelas. Kita perlu memikirkan dan mengenal pasti cara komuniti tempatan sepatutnya melibatkan diri dalam pembangunan pelancongan dan sama ada 'penglibatan' menjurus kepada komuniti mempunyai kawalan ke atas sumber-sumber dan keadaan mereka pada masa akan datang. Tahap kawalan yang dimiliki oleh sesuatu komuniti dalam projek pembangunan merupakan elemen yang penting dalam kelestarian (Mowforth & Munt, 1998).

Pretty (1995), telah merangkakan satu tipologi untuk menerangkan bentuk-bentuk penglibatan komuniti dalam projek-projek komuniti (Jadual 6.1). Tipologi tersebut menggariskan tujuh peringkat penglibatan komuniti berdasarkan tiga ciri-ciri penglibatan yang utama, iaitu:

- (i) Sumber dan ciri-ciri objektif projek yang dijalankan
- (ii) Tahap penglibatan
- (iii) Perkongsian kuasa dan tanggungjawab

Peringkat-peringkatnya pula terbahagi daripada tahap penglibatan yang bertujuan untuk memanipulasi (penglibatan manipulasi atau *manipulative participation*), apabila kesemua kuasa dan kawalan terhadap pembangunan tersebut berpihak kepada kumpulan di luar dari kawasan komuniti berkenaan, kepada tahap pergerakan sendiri (*self-mobilization*), yang mana kuasa dan kawalan terletak dalam tangan komuniti tempatan. Ketujuh-tujuh peringkat dalam tipologi Pretty (1995), menawarkan tahap kawalan pihak luar dan penglibatan penduduk yang berbeza dalam proses membuat keputusan, yang mengaitkan hubungan kuasa antara mereka.

**Jadual 6.1**  
**Tipologi Penglibatan oleh Pretty**

	Tipologi	Ciri-ciri
Darjah penglibatan, kuasa dan kawalan rendah	Penglibatan manipulatif	Penglibatan pura-pura penduduk yang memegang jawatan dalam kumpulan perancang tidak menerusi pemilihan dengan itu tiada kuasa.
	Penglibatan pasif	Penduduk melibatkan diri setelah diberitahu mengenai keputusan yang telah dibuat oleh pihak pengurusan luar; hebahan adalah sehalu sahaja, maklum balas daripada penduduk tidak diminta kerana lebih menekankan pendapat profesional dari luar.
	Penglibatan melalui perundingan	Ejen luar merujuk kepada penduduk tempatan dengan meminta mereka menjawab persoalan mengenai masalah yang dibentuk oleh pakar dari luar, masih tiada kawalan daripada penduduk tempatan terhadap proses, perkongsian maklumat hanyalah sehalu, profesional tidak perlu menerima pendapat penduduk.
	Penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan	Penduduk melibatkan diri dengan menawarkan sumber (seperti tenaga buruh) bagi mendapatkan makanan, wang, dan insentif kebendaan yang lain; penglibatan bukan kerana mahu belajar mengenai kemahiran dan teknologi yang boleh membantu meningkatkan taraf hidup setelah penglibatan selesai.
	Penglibatan berperanan	Agensi luar berpendapat penglibatan penduduk merupakan pemangkin untuk mencapai objektif projek, terutama kerana penglibatan dilihat sebagai dapat mengurangkan kos; penglibatan dua hala dan melibatkan perkongsian dalam membuat keputusan tetapi penglibatan hanya terjadi setelah keputusan dibuat oleh pihak.
	Penglibatan interaktif	Penduduk terlibat dalam analisis projek, pembentukan pelan tindakan: penglibatan dilihat sebagai satu hak, bukan hanya sebagai ejen untuk mencapai matlamat projek; proses penglibatan menekankan penggunaan kaedah-kaedah silang disiplin yang memerlukan perspektif pelbagai serta menggunakan proses pembelajaran berstruktur. Kumpulan perancang mengawal keputusan penduduk tempatan dan menentukan bagaimana sumber yang ada digunakan dan dengan itu mereka mempunyai kepentingan dalam memastikan struktur dan kaedah dipatuhi.
Darjah penglibatan, kuasa dan kawalan tinggi	Pergerakan sendiri	Penduduk sendiri mengambil inisiatif untuk menggerakkan projek pembangunan, mereka menjalin hubungan dengan institusi luar untuk bantuan teknikal dan khidmat nasihat tetapi mengawal penggunaan sumber; penglibatan jenis ini memerlukan kerangka sokongan daripada kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Sumber: Pretty, 1995.

Mowforth dan Munt (1998), membincangkan dua kes pembangunan pelancongan yang melibatkan dua jenis penglibatan yang begitu ekstrem. Salah satu daripadanya ialah projek berskala besar Mundo Maya (*Maya World*) yang merangkumi lima negeri di Mexico termasuklah Guatemala, Belize, El Salvador dan Honduras. Melalui publisiti, Mundo Maya dijelaskan sebagai sebuah projek yang dirancang untuk memperbaiki taraf hidup penduduk tempatan tapi hakikatnya tiada usaha yang dijalankan untuk melibatkan komuniti tempatan dalam proses pembuatan keputusan kerana hanya sekumpulan pegawai kerajaan yang berjawatan tinggi sahaja yang terlibat dalam membuat keputusan. Dengan itu, penglibatan penduduk boleh diklasifikasikan sebagai penglibatan manipulatif. Kes yang kedua ialah projek pelancongan dalam komuniti yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Salvadora dalam buangan di Costa Rica. Walaupun terdapat pertolongan dari luar, namun idea tentang projek tersebut tercetus daripada komuniti itu sendiri dan keseluruhan aktiviti pelancongan adalah di bawah kawalan mereka. Pendapatan yang dijana melalui penawaran perkhidmatan yang disediakan telah memberi faedah ekonomi kepada mereka, tambahan pula tiada orang tengah atau ejen yang digunakan yang mungkin menyebabkan pengurangan dalam pendapatan mereka. Walaupun komuniti tersebut menerima bantuan pada awal pembabitan mereka dalam projek itu, perniagaan pelancongan kebanyakannya tidak menerima bantuan. Ini melayakkan penglibatan penduduk tempatan dalam projek ini dikategorikan sebagai bergerak sendiri (*self mobilization*) menurut tipologi Pretty (Mowforth & Munt, 1998).

Ulasan karya yang dikemukakan di atas menyarankan dua aspek penting dalam penglibatan iaitu kesaksamaan dan kawalan. Penglibatan yang saksama dan kawalan daripada penduduk tempatan dalam sesuatu projek pembangunan diperlukan untuk mencapai objektif pembangunan komuniti. Membenarkan penglibatan yang adil dalam proses membuat keputusan bagi membolehkan penduduk tempatan menggunakan kuasa mereka dalam mengawal sesuatu pembangunan serta kesannya hanyalah sebahagian daripada usaha untuk mencapai penglibatan yang saksama (Bilinski, 1969). Penduduk tempatan juga wajar diberi kebenaran dan keupayaan untuk mengambil faedah daripada peluang-peluang ekonomi yang dibawa oleh pelancongan secara adil (Kadir, 1997). Dalam kebanyakan situasi, penduduk tempatan perlu diperkasa



supaya mereka berupaya untuk terlibat dalam pembangunan, iaitu dalam proses membuat keputusan dan juga dalam aktiviti ekonomi yang terbentuk hasil daripada pembangunan itu.) Kadir (1997), mengatakan bahawa kurangnya aspek memperkasa penduduk di atas adalah penyebab kepada situasi semasa di Pulau Langkawi, kerana majoriti penduduk tempatan hanya menjadi pemerhati dan memperoleh faedah yang terlalu sedikit berbanding dengan mereka yang lebih berkuasa - iaitu penduduk tempatan dan orang luar yang lebih berupaya dari segi kewangan, jalinan, memperoleh maklumat yang mana mereka ini lebih berupaya untuk mengambil faedah yang ditawarkan oleh pelancongan di pulau tersebut. Sedangkan, penduduk inilah yang menjadi mangsa apabila kos kehidupan meningkat disebabkan oleh pelancongan.

Scheyvens (1999), mencadangkan agar satu kerangka keperkasaan yang merangkumi empat tahap perkasaan digunakan dalam menganalisis kesan daripada perniagaan ekopelancongan terhadap komuniti tempatan. Sekiranya Kadir (1997), merasakan bahawa keperkasaan merupakan keperluan yang mesti dipenuhi sebelum penglibatan yang saksama dapat dihasilkan, Scheyvens pula memandang keperkasaan sebagai kesan daripada aktiviti. Keempat-empat peringkat keperkasaan adalah keperkasaan dalam aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik. Tidak pula dinyatakan sama ada satu peringkat adalah lebih penting daripada peringkat yang lain ataupun sekiranya peringkat-peringkat ini mempengaruhi pendapatan ekonomi yang berterusan kepada komuniti tempatan, pendapatan individu yang boleh diharapkan dan prasarana yang lebih baik. Tanda-tanda keperkasaan psikologi adalah apabila meningkatnya peningkatan diri (*self-esteem*) di kalangan ahli komuniti disebabkan oleh pengiktirafan dari luar terhadap keunikan dan nilai-nilai budaya yang dimiliki, sumber-sumber dan pengetahuan mereka tentang tradisi. Meningkatnya keyakinan antara ahli komuniti menyebabkan mereka mencari pengetahuan dan peluang-peluang latihan. Keperkasaan sosial pula dicapai apabila komuniti tersebut dapat mengekalkan atau membaiki keseimbangan dalam komuniti. Perpaduan komuniti dapat dibaiki kerana individu dan keluarga bekerja bersama untuk membina perkongsian yang berjaya. Keperkasaan politik dapat dicapai oleh sesuatu komuniti apabila struktur politik mereka menawarkan peluang kepada masyarakat untuk menyuarkan pendapat tentang projek pembangunan tersebut,

sekali gus menawarkan peluang untuk mereka melibatkan dalam proses membuat keputusan.

Pratiwi (1999), dalam kajiannya untuk memahami penglibatan komuniti tempatan dalam pembangunan ekopelancongan telah menganalisis kajian-kajian kes yang berkaitan dengan ekopelancongan. Ekopelancongan merupakan satu bentuk pembangunan yang mempunyai elemen pembangunan lestari sebagai objektifnya. Pratiwi membuat kesimpulan daripada dapatan kajiannya bahawa tahap penglibatan ahli komuniti dalam kes-kes yang dikajinya adalah menyimpang daripada tahap penglibatan yang disarankan dalam bahan-bahan bacaan dan penerbitan. Apabila ahli-ahli komuniti ingin menyertai pembangunan, hanya sedikit sahaja usaha yang diambil oleh pihak luar untuk memperkasa penduduk tempatan dalam keseluruhan tahap penyertaan. Walau bagaimanapun, melalui kebolehan penduduk untuk memperkasa diri mereka sendiri, sesetengah komuniti menyatakan bahawa mereka hanya mendapat faedah yang sedikit daripada penglibatan tersebut. Pratiwi juga telah mencadangkan kajian selanjutnya dijalankan untuk menilai ciri-ciri dan tahap penyertaan dengan menggunakan kaedah kajian yang berbeza seperti kajian lapangan, tinjauan dan kajian kes.

Jelas, di sini terdapat keperluan untuk melibatkan komuniti sebagai salah satu faktor penting dalam projek pembangunan lestari. Kepelbagaian cara dan tahap penyertaan dalam projek-projek pembangunan akan menjurus kepada pertanyaan tentang variasi dan kesan daripada projek.


## **KAJIAN TERHADAP PENGLIBATAN KOMUNITI DI *HOMESTAY* KAMPUNG RELAU DAN KAMPUNG RAGA**

### **Kerangka Teori**

Ulasan karya yang dikemukakan dapat dirumuskan melalui kerangka teori yang menerangkan penglibatan komuniti dalam projek-projek yang berasaskan komuniti dan pelancongan lestari (Rajah 6.2). Kerangka teori mencadangkan tahap penglibatan komuniti dalam sesuatu projek dipengaruhi oleh tahap kawalan komuniti tempatan

dalam memutuskan pelaksanaan dan kesan, yang mana ia bergantung kepada peluang untuk melibatkan diri dalam projek tersebut dan juga keupayaan mereka untuk merebut faedah daripada projek tersebut.

### Rajah 6.2 Kerangka Konsepsi dalam Memahami Tahap Penglibatan Ahli Komuniti



Seterusnya, artikel ini akan membincangkan mengenai kajian yang dijalankan di atas terhadap dua program *homestay* di Kedah, iaitu *Homestay* Kampung Relau dan *Homestay* Kampung Raga. Berdasarkan kerangka konsepsi di atas, persoalan kajian adalah seperti berikut:

- (i) Apakah ciri-ciri penglibatan komuniti di kedua-dua *homestay* dalam kajian?
- (ii) Berpandukan kepada tahap penglibatan yang dicadangkan oleh Pretty (1995), apakah tahap penglibatan komuniti di kedua-dua *homestay* di atas?
- (iii) Apakah faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi penglibatan ahli komuniti dalam kedua-dua program *homestay* tersebut?
- (iv) Adakah terdapat hubungan antara penglibatan dengan keperkaasaan di kalangan ahli komuniti?

## METODOLOGI

Kerangka teori di atas digunakan sebagai panduan dalam kajian ini. Definisi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini dikemukakan dalam Jadual 6.2. Dengan berpandukan kaedah

kualitatif, kajian ini menggunakan dua teknik pengumpulan data. Pertama, data-data yang tersedia merangkumi maklumat yang diterbitkan oleh kerajaan pusat, kerajaan negeri dan sumber-sumber data tempatan dianalisis untuk mendapatkan pemahaman mengenai latar belakang kedua-dua program *homestay* yang dikaji. Kemudian melalui temu ramah tidak berstruktur yang dijalankan terhadap mereka yang terlibat dalam *homestay* seperti ahli komuniti, pemimpin komuniti dan pegawai-pegawai projek untuk mengenal pasti jenis, tahap, penyebab dan kesan penglibatan. Penyelidik mengawal arah temu bual yang dijalankan agar jawapan-jawapan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan subjek yang dikaji. Teknik persampelan ulangan atau *snowball sampling technique* digunakan dalam mencari maklumat yang diperlukan. Penyelidik akan bertanya soalan yang sama kepada setiap responden sehingga tiada maklumat baru diperolehi. Temu bual juga direkodkan untuk memastikan kesahihan data-data yang dikumpul.

Pada penghujung setiap sesi temu bual, kenyataan-kenyataan penting yang diutarakan oleh responden akan diulang semula supaya kenyataan-kenyataan itu dipersetujui oleh responden bagi memastikan kesahihan. Data juga diinterpretasi dengan segera untuk membolehkan penyelidik menganalisis maklumat daripada perbualan tersebut dan menggunakan dapatan-dapatan untuk temu bual seterusnya. Temu bual yang direkodkan juga ditranskrip dan dianalisis secara kualitatif sebaik sahaja tamatnya sesi temu bual. Tema-tema serta isu-isu penting dicungkil menerusi transkrip. Data-data ini kemudiannya dikumpulkan bersama mengikut tema dan isu yang bersesuaian. Pendapat kedua digunakan dalam proses pengekodan data dan interpretasi untuk mengurangkan kelemahan interpretasi data yang berat sebelah. Analisis ke atas teori perwakilan sosial (*social representation theory*) mencadangkan bahawa pengetahuan sosial individu dipengaruhi oleh konsep, keterangan dan penerangan sistem kognitif yang luas. Sistem-sistem inilah yang membentuk interaksi sosial individu dan sistem ini juga dipengaruhi oleh interaksi. Ulasan karya tambahan dipertimbangkan untuk mencari teori yang dapat menyokong dapatan kajian. Dapatan dibentangkan dalam perbincangan mengenai isu-isu berkaitan untuk memahami penglibatan penduduk dalam program pelancongan yang berasaskan komuniti seperti *homestay* dan implikasi terhadap polisi dan pemasaran pelancongan berasaskan komuniti.

Jadual 6.2

## Pemboleh Ubah yang Terlibat dalam Kajian dan Definisinya

Pemboleh Ubah	Definisi
Tahap penglibatan	Tahap penglibatan berpandukan tipologi oleh Pretty (1995)
Pengawalan dalam membuat keputusan	Peluang untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan pelaksanaan dan memberi pendapat
Keupayaan untuk memanfaatkan faedah yang terhasil	Keupayaan ahli komuniti untuk mengambil kesempatan yang terhasil daripada program <i>homestay</i> seperti peluang pekerjaan, keusahawanan dan sebagainya. Keupayaan mungkin dipengaruhi oleh faktor lain seperti memiliki modal, maklumat dan pengaruh.
Keperkasaan	Peningkatan dalam keupayaan daripada aspek ekonomi, psikologi, sosial dan politik seperti yang dicadangkan oleh Scheyvens (1999)

## HASIL KAJIAN

**Homestay Kampung Relau, Bandar Baru**

## Latar Belakang Program

Beberapa isi rumah di Kampung Relau yang terdiri daripada empat buah kampung Melayu iaitu, Kampung Tiga Ratus Kaki, Kampung Kilang Batu, Kampung Paya Semambu dan Kampung Tengah di Bandar Baru di Kedah ini telah diberi kelulusan untuk menjadi peserta tuan rumah *homestay* yang diiktiraf. Peserta-peserta ini bersetuju untuk membentuk program *homestay* secara komuniti. Penduduknya majoriti bekerja sendiri dan sesetengahnya bekerja dengan sektor awam dan sektor swasta, kebanyakannya di kawasan perindustrian berdekatan. Usaha untuk membentuk Program *Homestay* Kampung Relau dimulakan oleh seorang usahawan tempatan yang berminat

dengan konsep *homestay* apabila beliau melawat ke beberapa program *homestay* di negara jiran. Sebagai pemilik agensi pengembaraan, beliau sedar bahawa program *homestay* ini dapat memanfaatkan kedua-dua pihak, perniagaan dan komunitinya. Program *Homestay* Kampung Relau telah berpeluang untuk menjadi hos kepada beberapa kumpulan dari dalam dan luar negara. Program *homestay* ini menawarkan ciri-ciri pelancongan berasaskan komuniti dan oleh sebab itu, ia telah dipilih sebagai populasi dalam kajian ini.

Jawatankuasa yang merangkumi peserta-peserta tuan rumah *homestay* telah ditubuhkan untuk memantapkan operasi program tersebut di Kampung Relau. Penggerak program tersebut di atas telah dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa dan beliau memainkan peranan utama dalam operasi *homestay* daripada aspek pemasaran, pengurusan dan operasi program tersebut.

### Tipologi Penglibatan

Daripada kajian didapati beberapa bentuk penglibatan yang wujud dalam Program *Homestay* Kampung Relau. Ciri-ciri untuk setiap jenis penglibatan komuniti dalam Program *Homestay* Kampung Relau adalah mirip kepada tipologi Pretty (1995). Program *homestay* ini, seperti kebanyakan program *homestay* lain di Malaysia, tidak digerakkan oleh orang luar. Kerajaan Malaysia, melalui KKKPM menyarankan agar komuniti tempatan dapat menyertai industri pelancongan melalui program-programnya seperti program *homestay*. Mana-mana isi rumah yang memenuhi peraturan asas dan ingin menjadi hos *homestay* boleh memohon kepada KKKPM. Apabila permohonan diluluskan, rumah tersebut akan mendapat permit untuk mengendalikan operasi *homestay* dan KKKPM membantu dari segi latihan kepada keluarga tuan rumah dan promosi.

Dalam kes di Kampung Relau, beberapa buah keluarga dalam komuniti tersebut telah memohon untuk menjadi tuan rumah *homestay* sebagai satu kumpulan di bawah naungan dan pimpinan usahawan tempatan, juga selaku pemilik sebuah agensi pengembaraan. Usahanya dalam membawa komuniti bekerjasama untuk memahami faedah daripada program tersebut memberi pengaruh secara langsung kepada kesediaan penduduk untuk menjadi tuan rumah *homestay*.

Bagi usahawan tempatan yang memimpin *Homestay* Kampung Relau, penglibatannya dapat dirumuskan sebagai satu inisiatif yang tidak dipengaruhi oleh institusi luar untuk membaiki kehidupan sendiri dan kehidupan komuniti. Beliau telah membuat jaringan dengan institusi luar untuk mendapatkan sumber-sumber dan sokongan dalam menjayakan projek tersebut. Beliau juga telah membantu komuniti dalam mewujudkan jawatankuasa untuk melicinkan dan menguruskan pelanggan yang dibawa ke *homestay* tersebut. Faedah yang didapati oleh komuniti termasuklah pengalaman membuat keputusan, kemahiran dan kaedah yang menjurus kepada memperkasa politik komuniti. Penglibatannya sebagai pemimpin projek, khususnya usaha untuk memasarkan programnya sebagai salah satu produk yang ditawarkan oleh syarikat beliau dan membangunkan jaringan dengan institusi luar untuk mendapatkan sumber-sumber dan nasihat teknikal yang diperlukan oleh program tersebut adalah penting untuk menjayakan program *homestay* Kampung Relau. Sebagai pengerusi Jawatankuasa *Homestay* di Kampung Relau, beliau telah memimpin komunitinya daripada aspek pembangunan dan pengawalan aktiviti pelancong. Penglibatan beliau dalam program ini, boleh dikategorikan sebagai penglibatan pergerakan sendiri dalam tipologi Pretty (1995).

Dapatan kajian tentang penglibatan ahli-ahli komuniti boleh dikategorikan dalam salah satu daripada tiga penglibatan tersebut, iaitu:

- (i) Penglibatan untuk mendapatkan insentif kebendaan;
- (ii) Penglibatan berasaskan fungsi dan peranan; atau
- (iii) Penglibatan interaktif.

Usahawan tempatan yang memimpin program *Homestay* Kampung Relau telah berjaya menggerakkan komunitinya untuk menjadi hos *homestay* dan juga menggerakkan hos-hos ini untuk membentuk satu jawatankuasa bagi merancang, membangunkan dan mengimplementasikan aktiviti-aktiviti tetamu. Ahli komuniti berhak untuk menyertai program tersebut sama ada dengan menjadi hos *homestay* dan/atau menjadi sebahagian daripada elemen yang ditawarkan kepada tetamu. Terdapat pelbagai cara bagi mereka yang tidak menjadi tuan rumah *homestay* untuk melibatkan diri semasa program dijalankan, seperti dengan:

- (i) Menterjemah kepada tetamu dan mengajar mereka tentang komuniti;
- (ii) Melibatkan diri dalam persembahan pertunjukan kebudayaan;
- (iii) Meraikan dan bermesra dengan tetamu; atau
- (iv) Memberi sokongan melalui kehadiran mereka dalam pelbagai aktiviti yang disediakan oleh jawatankuasa untuk tetamu-tetamu.

Ahli-ahli jawatankuasa *homestay* dan pemimpinnya sentiasa mendapatkan sokongan daripada setiap ahli komuniti dengan memberi peluang kepada mereka untuk mengutarakan cadangan dalam proses perancangan dan pembangunan serta menyedarkan mereka bahawa program *homestay* tersebut dapat membantu membangunkan komuniti di situ. Pemimpin program ini sentiasa mendapatkan sokongan dari luar seperti beberapa agensi kerajaan dan pemimpin kerajaan. Kesannya, kemudahan asas telah dinaik taraf, kampung dicantikkan dan program ini telah dimasukkan ke dalam bahan-bahan promosi kerajaan negeri. Melalui sokongan luar, ahli-ahli komuniti juga sedar yang penglibatan mereka diperlukan untuk menjayakan program *homestay* ini. Dengan cara ini, sokongan dan penglibatan dapat dirumuskan sebagai satu kaedah untuk mencapai objektif projek, iaitu satu ciri dalam bentuk penglibatan berperanan. Walaupun kebarangkalian penglibatan jenis ini lazimnya melibatkan perkongsian dalam proses membuat keputusan setelah keputusan utama dibuat oleh orang luar, ahli-ahli jawatankuasa Kampung Relau juga dijemput untuk menyertai proses membuat keputusan dari peringkat awal lagi. Namun, terdapat beberapa individu yang tidak terlibat dalam membuat keputusan dan dalam proses pembelajaran tetapi menyumbang daripada aspek tenaga kerja dan sokongan dengan sedikit bayaran ataupun hanya sekadar berpuas hati menjadi sebahagian daripada komuniti tersebut apabila bergotong-royong bersama.

Rangka kerja teori yang dilakarkan pada peringkat awal kajian mencadangkan tahap penglibatan komuniti dalam projek pembangunan seperti program *homestay* Kampung Relau bergantung kepada tahap kawalan ahli-ahli komuniti terhadap proses membuat keputusan. Kenyataan ini disokong oleh dapatan daripada kajian yang dijalankan. Kebanyakan individu dengan tahap kawalan yang tinggi dalam proses membuat keputusan adalah dalam kategori penglibatan



pergerakan sendiri. Namun, tahap kawalan terhadap proses membuat keputusan tidak banyak menerangkan keupayaan mereka untuk mengambil faedah daripadanya, tetapi lebih menerangkan motivasi penglibatan mereka. Ini adalah kerana asas keperluan untuk menjadi hos *homestay* boleh dipenuhi oleh keluarga sederhana dalam komuniti tersebut. Hampir keseluruhan ahli mempunyai keupayaan untuk menyertai program ini kerana ia tidak memerlukan modal yang tinggi. Jadi, setiap ahli dalam komuniti tersebut dapat menyertai program *homestay* tidak kira sama ada mereka ialah hos ataupun bukan melalui penglibatan dalam proses pembentukan strategi. Motivasi merekalah yang mendorong penyertaan ke dalam program tersebut dan bukannya peluang untuk melibatkan diri. Seperti mana yang dibincangkan oleh Cole (1995), banyak faktor yang mempengaruhi motivasi dalam konteks penglibatan. Faktor-faktor ini termasuklah kesedaran tentang faedah program yang akan dikecapi oleh mereka dan komuniti, keperluan sosial mereka dan personaliti. Motivasi untuk melihat sumber-sumber alam dan kebudayaan dikekalkan serta komitmen untuk memajukan perniagaannya merupakan dua faktor yang memotivasikan usahawan yang menjadi pemimpin dan peneraju program *homestay* dalam kes Kampung Relau ini.

Kesemua peserta program yang telah ditemu ramah menyatakan penglibatan mereka kerana ingin membangunkan diri, ingin dihormati, turut serta dalam komuniti dan memainkan peranan dan untuk memenuhi keperluan kemajuan diri. Responden melihat program ini sebagai satu program yang dapat memberi pendapatan untuk keluarga dan sebagai satu bentuk program sosial. Harga yang ditawarkan kepada tetamu untuk tinggal di *homestay* adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan pilihan penginapan yang lain. Sebahagian daripada bayaran yang diperoleh daripada tetamu akan disalurkan kepada kumpulan pengurusan dan selebihnya adalah untuk tuan rumah. Namun, mereka tetap menyokong dan melibatkan diri dalam program *homestay* ini kerana dirasakan faedah yang diperoleh selain daripada aspek kewangan adalah lebih bermakna daripada faedah kewangan.

Dapatan daripada kajian menyarankan bahawa keupayaan komuniti untuk merebut peluang dan faedah ekonomi tidak memainkan peranan penting dalam menerangkan penglibatan mereka dalam program *homestay*. Untuk menjadi hos *homestay* ia tidak memerlukan

perkhidmatan dan bilik penginapan yang bertaraf hotel. Memadai dengan persekitaran yang bersih dan tenang dengan sebuah bilik yang boleh diubahsuai menjadi bilik tidur tetamu. Sesiapa sahaja boleh memohon menjadi hos *homestay*. Hos pula tidak memerlukan modal permulaan yang tinggi dan tidak perlu mengetahui secara terperinci cara-cara mengendalikan program *homestay*. Malah, keupayaan untuk menyumbang masa dan tenaga dalam membangunkan dan mengimplimentasi aktiviti-aktiviti program menerangkan penglibatan mereka dengan lebih baik.

Misalnya, kenyataan yang diperoleh daripada seorang penduduk yang tidak memohon untuk menjadi hos *homestay*, iaitu:

“ Sesetengah daripada kami belum bersedia untuk menjadi hos kerana tidak mempunyai bilik di rumah yang boleh diubahsuai menjadi bilik tamu, atau kerana kami rasa rumah kami masih belum elok untuk mereka. Dalam kes saya, saya tidak mempunyai masa. Saya bekerja dan anak-anak masih kecil. Nak buat kerja rumah pun tiada masa!”.

Keluarga yang lain pula tidak berupaya menjadi hos kerana mempunyai masalah keluarga sebagaimana yang diutarakan oleh responden yang juga merupakan peserta tuan rumah *homestay*:

“..kami rasa keluarga yang mempunyai masalah tidak sepatutnya memohon untuk menjadi hos. Kita tidak mahu pelancong yang menjadi tetamu kita tinggal dengan keluarga yang porak-peranda”.

Ringkasnya, kebanyakan ahli komuniti berkeupayaan untuk menyertai program ini, asalkan mereka sanggup menyediakan sebuah bilik untuk tetamu, berkongsi rumah dengan tetamu, mencantikkan rumah, mempunyai keluarga yang harmoni dan sanggup bekerja dengan ahli-ahli komuniti yang lain.

### **Memperkasa Komuniti Tempatan**

Program *homestay* Kampung Relau membuka peluang pekerjaan, sama ada secara formal atau tidak formal dan juga peluang

perniagaan. Keluarga yang menjadi hos menerima faedah kewangan melalui pembayaran yang dibuat kepada hos, manakala yang lain pula berkongsi faedah ekonomi menerusi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam tempoh lawatan tetamu di sana. Antara produk dan perkhidmatan yang ditawarkan ialah makanan, cenderahati dan pemandu pelancong sambilan. Walaupun pendapatan yang diperolehi adalah sedikit berikutan rendahnya bilangan hos, namun ia mempunyai potensi untuk ditingkatkan pada masa hadapan. Apabila setiap orang dalam komuniti dapat mencari jalan untuk berkongsi faedah ekonomi yang diperolehi kerana penglibatan mereka tidak memerlukan modal dan kemahiran tertentu, faedah ekonomi daripada program ini dapat disimpulkan sebagai agihan saksama. Peningkatan dari segi pendapatan yang dijana, prasarana rumah individu dan kemudahan awam juga menerangkan keberkesanan ekonomi dalam komuniti Kampung Relau yang menyertai program *homestay* ini.

Program ini juga meningkatkan pembangunan diri dan *self-esteem* ahli-ahli komuniti melalui pengiktirafan yang diberikan oleh orang luar tentang keunikan nilai budaya mereka, sumber alam sekitar dan pengetahuan tradisi. Faktor ini menyebabkan mereka mencari jalan untuk peningkatan kemajuan diri seperti mempelajari bahasa asing dan latihan keusahawanan. Kesepaduan dalam komuniti juga turut meningkat apabila individu dan keluarga bekerjasama dalam tempoh penerimaan tetamu. Ahli-ahli komuniti dianggap sebagai penerima faedah secara langsung oleh jawatankuasa, akan terlibat dalam proses membuat keputusan. Kebanyakan responden yang ditemu ramah menyatakan yang program sedemikian telah memperkasa komuniti tersebut, bukan sekadar dalam aspek ekonomi tetapi juga secara psikologi, sosial dan politik. Keberkesanan pula didapati merupakan faktor yang menarik lebih banyak penyertaan komuniti untuk menjayakan projek.

### **Homestay Kampung Raga, Yan**

#### **Latar Belakang Program**

Kampung Raga ialah sebuah perkampungan Melayu yang terletak 1.5 kilometer dari pekan Yan Besar. Ia merangkumi 160 penempatan keluarga dengan 700 orang penduduk, yang kebanyakannya

mengerjakan sawah padi dan ladang getah. Sehingga kini, 24 buah rumah telah pun didaftarkan sebagai hos *homestay*.

Walaupun Program *Homestay* Kampung Raga dilancarkan secara rasmi oleh Datuk Sabaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia pada bulan Jun 1996, sebenarnya Kampung Raga telah mula membuka pintu untuk tetamu seawal tahun 70-an. Tetamunya terdiri daripada pelajar sekolah dan universiti yang menyertai program anak angkat yang dianjurkan oleh pelbagai sekolah dan IPT di Malaysia. Sehingga kini, Kampung Raga masih menerima jemputan untuk program anak angkat tersebut. Pada tahun 1982, Kampung Raga telah menyertai Pertandingan Kebersihan Sungai, anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengiktiraf sungai terbersih di Malaysia, di mana sungai di Kampung Raga telah memenangi tempat pertama dalam kategori Sungai Terbersih dan Tercantik. Bertitik-tolak daripada kemenangan tersebut dan berdasarkan nasihat daripada JPS, idea untuk menubuhkan projek *homestay* telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Pada tahun 1995, cadangan tersebut telah dibawa kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kedah (UPEN). Sehubungan itu, wakil daripada KKKPM telah datang melawat Kampung Raga untuk memastikan yang mereka bersedia untuk menjadi hos *homestay* berdasarkan garis panduan KKKPM. Sebanyak 24 buah rumah telah mendapat kelulusan untuk menjadi hos *homestay*.

Sementara itu, Kampung Raga telah memenangi pelbagai anugerah melalui pelbagai pertandingan dengan jumlah simpanan wang hadiah meningkat sehingga RM150,000. Pada bulan November 1995, Menteri Pertanian telah memulakan projek agropelancongan di Kampung Raga setelah kampung tersebut memenangi kategori 'Sungai Berpotensi untuk Pelancongan' dalam Pertandingan Sungai Angkat anjuran Kementerian Pertanian. Projek agropelancongan ini melengkapi projek *homestay* yang diadakan di situ kerana ia menawarkan aktiviti menarik kepada tetamu *homestay*, lebih-lebih lagi pada musim buah-buahan (bulan Jun-Ogos) kerana pengunjung bukan sahaja dapat mempelajari tentang pokok buah-buahan malah dapat menikmati pelbagai buah-buahan tempatan.

Sejak dilancarkan secara rasmi, Program *Homestay* Kampung Raga telah diuruskan oleh ahli jawatankuasa kecil Pelancongan Agro dan

*Homestay* juga di bawah struktur organisasi JKJK. Jawatankuasa kecil yang lain termasuklah K3P, yang juga menawarkan sokongan dan bantuan dalam menjaya program *homestay* dengan memberi taklimat kepada peserta *homestay* semasa peserta berada di sana dan menubuhkan kumpulan kebudayaan untuk mempersembahkan pertunjukan kebudayaan kepada tetamu. Jawatankuasa Kecil Skwad Bantuan Kecemasan pula memainkan peranan penting dalam program ini dengan melakukan rondaan di sekitar kampung dan menawarkan bantuan kecemasan untuk memastikan keselamatan dan persekitaran yang selamat semasa tempoh program.

Secara amnya, terdapat dua kategori pelawat ke Kampung Raga; pertama, pelajar yang menyertai program anak angkat dan keduanya, ialah pelancong yang datang secara individu dan kumpulan. Kebanyakan pelancong yang datang secara berkumpulan. Kesemua rumah di kampung tersebut layak menjadi hos bagi program anak angkat tetapi bagi pelancong pula, hanya 24 buah rumah yang berdaftar sahaja yang mendapat kelulusan daripada KKKPM untuk menjadi hos kepada pelancong. Keluarga angkat mendapat RM13.00 semalam bagi setiap anak angkat yang tinggal bersama mereka, tetapi bagi program *homestay* hos menerima RM35.00 semalam untuk setiap tetamu. Baru-baru ini, KKKPM telah menaikkan kadar bayaran kepada RM60.00 semalam untuk seorang tetamu. Pakej tiga hari dua malam pula dijual pada harga RM145.00 seorang.

Pembayaran dilakukan secara terus kepada hos oleh pelancong individu. Sementara, bagi pelancong berkumpulan yang selalunya melanggan pakej, bayaran dibuat kepada JKJK kerana JKJK yang menanggung segala perbelanjaan seperti makanan, cenderahati dan sebagainya. Kemudian, sebahagian daripada wang bayaran tersebut akan diagihkan kepada hos-hos yang menempatkan pelancong di rumah mereka. Kesemua pendapatan yang diperolehi oleh JKJK melalui wang hadiah kemenangan pelbagai pertandingan dan daripada operasi *homestay* akan diurus dan dilaburkan oleh JKJK. Wang daripada pelaburan ini kemudiannya akan digunakan untuk kebajikan penduduk kampung seperti membayar yuran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) anak-anak kampung, membayar sebahagian daripada yuran pendaftaran masuk ke IPT bagi yang berjaya menempatkan diri di IPT tempatan dan memberi sumbangan

kepada mereka yang ingin melakukan kerja kahwin, pengkebumian dan sesiapa sahaja yang mungkin memerlukannya, khususnya untuk tujuan perubatan dan pendidikan. Maklum balas daripada salah seorang responden wanita merupakan dapatan bagi kajian adalah seperti berikut:

“Tabung kita terjamin dan kita buat satu badan kebajikan duit-duit dan hadiah yang kita terima kita labur. Hasil daripada bonus dan dividen kita kembalikan kepada penduduk kampung dan bila berlaku kematian sebanyak RM500.00. Duit peperiksaan SPM, STPM tabung yang bayar”.

Ringkasnya, pendapatan daripada program *homestay* ini dikumpulkan bersama pendapatan lain yang diperoleh melalui projek-projek komuniti yang lain yang dianjurkan oleh JKKK Kampung Raga, dan digunakan bagi meningkatkan kebajikan penduduk kampung. Perlu ditekankan di sini, bahawa penduduk tidak mendapat sebarang bantuan kewangan daripada kerajaan. Oleh itu, jawatankuasa melaburkan wang hadiah kemenangan dan menggunakannya untuk membiayai projek mereka. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap memberi sokongan kepada program *homestay* ini melalui pembinaan infrastruktur di sekeliling kampung dan dengan membantu mempromosikan program *homestay* yang dijalankan.

Apabila JKKK menerima tempahan daripada kumpulan pelancong yang ingin menjadi tetamu di *homestay* mereka, JKKK akan memanggil kesemua ahli jawatankuasa untuk bermesyuarat. Bilangan peserta dan aktiviti yang bakal diadakan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Aktiviti-aktiviti yang sering diadakan termasuklah lawatan ke Pualu Bidan, Pulau Songsong, Pulau Telur, Gunung Jerai, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan tempat-tempat menarik yang lain di sekitar Kampung Raga seperti Batu Hampar, Pantai Murni dan Tangga Kenari. Seseengah tetamu diberi peluang untuk mencuba menoreh getah ataupun memetik buah kelapa sawit. Setiap kali program *homestay* menerima kumpulan tetamu, 24 buah rumah yang berdaftar sebagai hos *homestay* akan diberi dua atau tiga orang pelancong, tertakluk kepada giliran, kemampuan dan kesediaan mereka untuk menerima tetamu.

Kebanyakan tetamu adalah daripada kalangan pelancong tempatan yang datang daripada institusi pengajian tinggi, agensi awam dan sektor swasta. Kebiasaannya mereka datang berkumpul seramai 20-80 orang. Mereka datang dari Johor, Kelantan, Pulau Pinang, Perak dan Kedah. Program *Homestay* Kampung Raga juga telah menjadi hos bagi tetamu luar negara seperti dari Jepun, Australia dan Korea dan kebanyakan mereka ialah pengembara yang berumur antara 18-38 tahun. Hal ini mungkin berlaku akibat daripada faktor lokasi yang agak jauh dan sukar untuk sampai ke Kampung Raga. Oleh itu, ia menarik lebih banyak pengembara berbanding dengan pengunjung jenis lain.

### Tipologi Penglibatan

Penduduk Kampung Raga memberikan contoh yang baik kepada komuniti luar bandar kerana menggunakan sumber dan semangat kejiranan untuk membangunkan diri. Banyak perkara yang dilakukan bersama oleh ahli komuniti ini sejak dari dahulu lagi untuk meningkatkan kebajikan dan mengekalkan keutuhan dan kesepaduan antara mereka. Generasi kini juga menyambung tradisi ini dan tidak keberatan untuk menyertai projek-projek yang dianjurkan oleh JKKK, lebih-lebih lagi apabila mereka sedar bahawa projek-projek sebeginilah yang mempengaruhi keadaan kebajikan mereka masa kini. Program *homestay* adalah antara salah satu projek yang dianjurkan oleh kampung mereka.

Kebanyakan penduduk menyertai program *homestay* secara fungsi dan interaktifnya. Penyertaan mereka berperanan untuk mencapai objektif projek, iaitu dengan menggunakan sumber-sumber yang dianugerahkan untuk membangunkan diri sendiri. Objektif-objektif ini wujud daripada dalam diri individu tersebut dan bukannya diwujudkan oleh pihak luar. Kos perbelanjaan bagi menampung program *homestay* pula dapat dikurangkan dengan adanya sokongan dan penyertaan daripada penduduk kampung yang dijalankan tersebut mereka.

Tiada sesiapa yang dimanipulasi untuk menyertai program ini kerana setiap penduduk berhak untuk menyertainya. Keseluruhan aktiviti pelawat adalah di bawah kawalan komuniti. Pendapatan daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang disewa juga akan dimasukkan

ke dalam tabungan komuniti tanpa dikurangkan oleh orang tengah atau ejen.

### **Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tahap Penglibatan Komuniti**

Program *Homestay* Kampung Raga bukanlah diwujudkan dengan niat untuk mengambil keuntungan, tetapi kewujudannya adalah untuk meningkatkan tabungan yang dikelolakan oleh JKKK. Penduduk kampung, termasuklah anak-anak mereka yang menyertai kerja-kerja dalam tempoh lawatan tetamu di kampung tersebut, menerima sedikit imbuhan dalam bentuk kewangan ataupun makanan percuma sebagai penghargaan atas usaha dan tenaga yang diberikan. Hos-hos *homestay* yang berdaftar menerima RM60.00 untuk semalam penginapan. Mereka menggunakan wang ini untuk menyediakan makan-minum tetamu dan sekiranya ada lebihan akan digunakan pula untuk mencantikkan dan membaiki rumah mereka agar tetamu lebih selesa untuk menginap di situ. Agak sukar bagi Jawatankuasa Kecil 'Pelancongan Agro dan *Homestay*' untuk memastikan kos operasi dalam menjadi hos bagi setiap kumpulan tetamu kerana kebanyakan penduduk kampung menyumbang secara sukarela, misalnya dengan memberi cenderahati dengan percuma.

Ringkasnya, dalam kes ini pulangan kewangan bukanlah satu faktor penting yang mempengaruhi penyertaan komuniti dalam program ini. Semangat untuk mengekalkan keutuhan komuniti dan tradisi menjadi pendorong utama kepada ahli-ahli komuniti untuk menyertai program *homestay* ini. Dijelaskan di sini, bahawa mereka merasakan banyak perkara dapat diselesaikan dan lebih banyak faedah yang akan mereka peroleh apabila bekerja bersama berbanding dengan bekerja secara individu. Secara individu atau persendirian, penduduk kampung tidak mempunyai keyakinan dan kudrat untuk melayan kumpulan tetamu yang datang kerana mereka tidak mempunyai kapasiti yang cukup untuk mengurus dan mengendalikan keseluruhan program *homestay* ini. Selain itu, mereka menyedari sumber-sumber yang sedia ada boleh digunakan untuk menarik pelancong dan memahami yang pelancong boleh membawa kesan-kesan positif ke dalam kehidupan mereka.



Kebanyakan penduduk menyertai program *homestay* ini kerana perasaan ingin tahu mengenai program itu sendiri. Modal yang sedikit juga mempengaruhi penduduk untuk menjadi hos *homestay*. Walau bagaimanapun, selalunya ia tidak menjadi halangan untuk mereka menyertai program tersebut dengan membantu menguruskan aktiviti-aktiviti untuk tetamu, lebih-lebih lagi apabila aktiviti yang memerlukan tenaga, bukannya wang ringgit.

### **Memperkasa Penduduk Tempatan**

Bekerja bersama untuk mengoperasikan program *homestay* telah memperkasa penduduk Kampung Raga daripada aspek ekonomi, psikologi dan politik. Program ini telah meningkatkan motivasi mereka untuk mencantikkan kampung dan untuk memulihara sumber-sumber dalam kampung seperti sungai, yang telah memenangi beberapa anugerah kebanggaan penduduk Kampung Raga. Program *homestay* Kampung Raga telah membawa faedah ekonomi kepada penduduknya. Pendapatan yang dijana daripada program tersebut dikongsi bersama oleh penduduk. Tanda-tanda peningkatan yang diperoleh melalui pendapatan tersebut dapat dilihat di sekeliling kampung melalui pembaikan rumah menjadi lebih cantik dan selesa, peningkatan dalam infrastruktur dan kepuasan penduduk kampung apabila menerima sumbangan daripada tabung JKKK untuk membantu mereka dalam pendidikan anak-anak dan pelbagai hal kekeluargaan.

Program *homestay* juga meningkatkan pengiktirafan masyarakat luar tentang keunikan dan nilai-nilai kebudayaan di kampung tersebut, sumber-sumber semula jadinya dan pengetahuan mereka tentang tradisi turun-temurun. Kampung Raga mungkin boleh dikategorikan sebagai kampung yang paling baik dalam konteks pelancongan luar bandar. Ia juga membuka minda penduduk untuk mencari peluang latihan untuk meningkatkan pengetahuan tentang pelancongan, pengurusan sumber dan operasi *homestay*. Peluang untuk penduduk mengambil bahagian dalam pengaturcaraan dan pengoperasian program *homestay* telah menjurus kepada peningkatan status mereka daripada pasif ke proaktif. Faktor ini telah membantu mereka meningkatkan keyakinan diri. Apabila penduduk bekerja bersama untuk mewujudkan program *homestay* yang berjaya, mereka juga meningkatkan keutuhan dan kesepaduan dalam komuniti tersebut.

## KESIMPULAN

Dalam artikel ini, kajian tertumpu untuk memahami penglibatan ahli komuniti di dua buah program *homestay* di Kedah. Bagi kedua-dua komuniti kampung dalam kajian, program *homestay* adalah antara beberapa strategi yang diambil untuk mencapai objektif yang bercirikan pembangunan. Dalam program *homestay* ini, hos *homestay* tidak beroperasi secara individu tetapi mereka bekerjasama untuk membangunkan, memasarkan dan melaksanakan program tersebut.

Kajian yang dijalankan mendedahkan bahawa program *homestay* yang dibangunkan sebagai projek komuniti berkeupayaan untuk menjana faedah-faedah penting sebagaimana projek-projek komuniti yang lain. Apabila dibandingkan dengan produk pelancongan dan pakej lawatan yang menasarkan pasaran massa, program *homestay* ini berupaya untuk menarik minat pelancong yang mempunyai minat tertentu (*special interest tourist*), lebih-lebih lagi pelancong yang berminat untuk mempelajari tentang kebudayaan dan kehidupan masyarakat tempatan semasa melancong. Pembangunan program *homestay* adalah berskala kecil dan lambat. Kebocoran ekonomi juga kurang kerana tidak banyak modal dan bahan yang diimport dari luar. Ia juga membolehkan penduduk tempatan mempunyai kawalan dan berkongsi faedah daripada pelancongan, seterusnya dapat memperkasa mereka dalam aspek ekonomi, sosial, psikologi dan politik. Dengan adanya faedah-faedah tersebut yang dapat dijana oleh projek *homestay*, jenis produk pelancongan ini mempunyai potensi untuk membantu usaha kerajaan dalam memajukan pelancongan yang tidak menggugat alam sekitar dan keadaan sosial penduduk.

Kajian mendapati program *homestay* berasaskan komuniti ini memerlukan penyertaan, sokongan, dan kesanggupan daripada komuniti untuk memastikan program *homestay* dapat dikekalkan. Kajian-kajian terdahulu turut mendedahkan kekangan terhadap penglibatan penduduk dalam proses pembangunan pelancongan di negara-negara membangun termasuklah pemusatan pentadbiran awam dalam pelancongan (*centralized*), ketidakmampuan untuk mengagihkan kuasa dan sumber, kurangnya kepakaran dalam penggabungan penyertaan dalam perancangan pelancongan, kapasiti ahli-ahli komuniti yang terhad kerana keadaan kewangan yang lemah dan tahap kesedaran yang rendah tentang kepentingan

penglibatan mereka, atau sama ada mereka dibenarkan untuk menyertai (Timothy, 1999; Tosun 2000).

Hasil daripada kajian ini mendapati kekangan-kekangan tersebut tidak wujud. Komuniti mempunyai kawalan terhadap pembangunan kerana kejayaan program yang dilaksanakan adalah bergantung kepada mereka, dan bukannya bergantung pada pentadbiran pelancongan pusat. Bebanan modal yang diperlukan dan faedah daripada keuntungan yang dijana dikongsi bersama oleh ahli-ahli komuniti yang mendorong ahli-ahli lain untuk tidak teragak-agak menyertai program sedemikian. Kajian juga mendapati yang pengetahuan tentang operasi *homestay* dikongsi dan disebarikan kepada ahli-ahli komuniti, oleh demikian, isu kekangan kapasiti yang terhad dapat dikurangkan.


Dapatan daripada kajian ini berguna untuk menerangkan penglibatan dalam program berasaskan komuniti. Boleh disimpulkan daripada kajian ini bahawa penglibatan dipengaruhi oleh motivasi dan dorongan komuniti untuk melibatkan diri, kawalan yang mereka miliki dalam membuat keputusan dan agihan faedah, dan kapasiti mereka untuk menyertai atau mengawal (rujuk Rajah 6.3).

Penyelidikan juga mendapati bahawa penyertaan para penduduk dalam program berasaskan komuniti dapat memperkasa diri mereka, seperti yang dikatakan oleh Scheyvens (1999). Konsep ini dirujuk sebagai *empowerment* atau keperkasaan dan dalam konteks kajian ini, boleh disimpulkan bahawa keperkasaan membawa maksud pengembangan kapasiti atau upaya yang dilihat sebagai memainkan dua peranan, iaitu sebagai pendorong untuk penduduk melibatkan diri dan juga sebagai hasil dari penyertaan mereka.

Terdapat beberapa implikasi daripada kesimpulan ini. Projek berasaskan komuniti perlu mengandungi program kesedaran di kalangan ahlinya agar mereka dapat dididik tentang projek dan mendorong mereka untuk menyertainya. Ini mungkin memerlukan usaha untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan dalam penglibatan mereka dan bagaimana projek dapat menawarkan kemahiran yang diperlukan. Penduduk perlu diberi peluang untuk melibatkan diri melalui pembangunan kapasiti. Mereka juga perlu tahu potensi-potensi faedah yang penting yang akan diperolehi daripada projek tersebut.

### Rajah 6.3

#### Satu Model untuk Memahami Penglibatan Komuniti dalam Program Pembangunan Komuniti



#### RUJUKAN

- Bilinski, R. (1969). The problem of participation in community development. In L. T. Wallace, D. Hobbs, and R. D. Vlasin (Eds.), *Selected perspectives for community resource* Raleigh, North Carolina: Agricultural Policy Institute, North Carolina State University.
- Burns, P., & Sancho, M. M. (2003). Locals perceptions of tourism planning: The case of Cuellar, Spain. *Tourism Management*, 24, 331-339.
- Cole, G. A. (1995). *Organizational behavior*. London: DP Publications Ltd.
- Fallon, L. D., & Kriwoken, L. K. (2003). Community involvement in tourism infrastructure-the case of the Strahan Visitor Centre, Tasmania. *Tourism Management*, 24, 289-308.
- Getz, D. (1986). Models in tourism planning. *Tourism Management*, 7 (1), 21-32.
- Kadir, Din. (1997). Tourism development and local involvement. In C. Cooper and S. Wanhill (Eds.), *Tourism Development: Environmental and community issues*. New York: John Wiley & Sons.

- Kamaruddin, Siaraf. (2002). *Program Pembangunan Pelancongan Lestari*. Paper presented at the Seminar Keusahawanan dan Pelancongan, Langkawi.
- Kayat, K. (2000). *Power through Tourism: A Blessing on Mahsuri's Eighth Generation in Langkawi?* Unpublished dissertation. East Lansing, Michigan: Michigan State University.
- McIntyre, G. (1993). *Sustainable tourism development: Guide for local planners*. Madrid: World Tourism Organization.
- Mitchell, R. E., & Reid, D. G. (2001). Community integrating: Island tourism in Peru. *Annals of Tourism Research*, 28 (1), 113-139.
- Mowforth, M., & Munt, I. (1998). *Tourism and sustainability: New tourism in the third world*. London: Routledge.
- Murphy, P. E. (1985). *Tourism: A community approach*. London: Methuen.
- Pratiwi, S. (1999). *Understanding Local Community Participation in Ecotourism Development: A Critical Analysis of Select Published Literature*. Masters Thesis, East Lansing: Michigan State University.
- Pretty, J. (1995). *Regenerating agriculture: Policies and practices to sustainability and self reliance*. London: Earthscan.
- Rahnema, M. (1992). Participation. In W. Sachs (Ed.), *The development dictionary: A guide to knowledge as power*. London: Zed Books Ltd.
- Rees, W. E. (1989). Defining sustainable development. *CHS Research Bulletin*, May (3). University of British Columbia.
- Scheyvens, R. (1999). Ecotourism and empowerment of local community. *Tourism Management*, 20, 245-249.
- Timothy, D. (1999). Participatory planning: a view of tourism in Indonesia. *Annals of Tourism Research*, 26(2), 371-391.

- Tosun, C. (2000). Limit to community participation in the tourism development process in developing countries, *Tourism Management*, 21, 613-633.
- Wanhill, S. (1997). Introduction — tourism development and sustainability. In C. Cooper and S. Wanhill (Eds.), *Tourism development: Environmental and community issues*. New York: John Wiley & Sons.